

# TINJAUAN KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM

**Salmianti Binti Mutalib**

Kolej Komuniti Bandar Penawar, Bandar Penawar, Johor, Malaysia  
*salmianti@kkbpenawar.edu.my*

## ABSTRAK

Dalam era globalisasi ini, bidang keusahawanan amat penting kerana ianya bertindak sebagai pemangkin kepada ekonomi dan bina upaya kepada usaha meningkatkan inovasi, kreatif dan daya saing sesebuah negara. Sejalan dengan itu, bidang keusahawanan sedang rancak diperkembangkan di Malaysia melalui sistem pendidikan negara. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi awam. Rekabentuk kajian ini berbentuk deskriptif dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Kaedah soal selidik telah dipilih sebagai instrumen kajian ini dengan menggunakan Skala Likert. Data soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)* versi 20. Responden terdiri daripada 80 orang pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar yang dipilih secara rawak mudah. Dapatan kajian menunjukkan faktor motivasi merupakan faktor utama yang mempengaruhi pelajar untuk cenderung ke dalam bidang keusahawanan. Keputusan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi item kecenderungan keusahawanan berdasarkan faktor jantina, kawasan kediaman dan latar belakang keluarga.

**Kata kunci:** Kecenderungan keusahawanan; kolej komuniti

## ABSTRACT

In this era of globalization, entrepreneurship field is certainly crucial as it is playing its role as the catalyst of the economy and the ability to the effort in increasing the innovation, creativity and competitiveness in a particular country. In line with this, entrepreneurship field is highly expanded in Malaysia through our country education system. This study was done to investigate the tendency of entrepreneurship among the students in public higher educational institution. The design of this study is in descriptive with using quantitative approach. Survey method was chosen as the study instruments by using Likert Scale. The data of this survey was analyzed by using *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)* version 20. The respondents consist of 80 of Bandar Penawar Community College students that were chosen randomly. Based on the findings, it was shown that motivational factor is the main factor that influences students in the tendency towards the entrepreneurship field. Besides, it was also found out that there is no significant difference for the tendency items based on gender factors, residential places and family background.

**Keywords:** Entrepreneurship tendency, community college

## 1. PENGENALAN

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) telah menggariskan bidang keusahawanan sebagai pemangkin transformasi yang bertujuan menyumbang kepada peningkatan kualiti institusi pengajian tinggi negara. Transformasi Malaysia daripada ekonomi berasaskan pengetahuan kepada ekonomi berpaksikan inovasi dalam mencapai aspirasi untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 memerlukan sokongan modal insan yang berkualiti dan kompetitif.

Menyedari akan kepentingan perkara di atas, Kementerian Pengajian Tinggi telah melancarkan Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi pada 13 April 2010 yang bertujuan untuk menggalakkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik dalam kalangan Institusi Pengajian Tinggi. Pelaksanaan inisiatif berpandukan dasar tersebut diharap dapat melahirkan siswazah/lepasan Institusi Pengajian Tinggi yang mempunyai nilai, pemikiran dan atribut keusahawanan; meningkatkan bilangan usahawan dalam kalangan siswazah/lulusan Institusi Pengajian Tinggi iaitu mereka yang benar-benar berkecimpung dalam bidang perniagaan sebagai pemangkin kepada pencapaian transformasi ekonomi negara daripada ekonomi berpendapatan sederhana kepada ekonomi berpendapatan tinggi dan pada masa yang sama melahirkan ahli akademik yang mempunyai nilai, kemahiran, pemikiran dan atribut keusahawanan (*entrepreneurial academics*).

Seiring dengan matlamat kerajaan, pelbagai usaha telah dilakukan dalam bentuk pendidikan, program dan aktiviti pembudayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam. Pada tahun 2011, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK) telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Pusat Usahawan Kolej Komuniti (PUSKOM) bagi mengawal selia aktiviti-aktiviti keusahawanan di Kolej Komuniti di seluruh Malaysia. Dengan penubuhan PUSKOM, *E-Tech Centre* dibangunkan di setiap kolej komuniti untuk mengawal selia dan mengatur aktiviti-aktiviti keusahawanan di peringkat kolej masing-masing. Secara tidak langsung, pelajar-pelajar didedahkan dengan bidang keusahawanan melalui pendidikan tidak formal.

Penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan di peringkat pengajian adalah perlu sebagai satu proses pendedahan untuk menerapkan ciri-ciri serta budaya keusahawanan dalam diri pelajar. Ini bertujuan sebagai persediaan mereka selepas menamatkan pengajian untuk menceburi bidang keusahawanan selain dapat menambahkan kompetensi diri dalam menghadapi persaingan modal insan yang semakin mencabar.

## 2. PENYATAAN MASALAH

Isu pengangguran bukan sahaja lagi terbatas dikalangan mereka yang kurang pendidikan tetapi kini sudah menjalar dikalangan mereka yang berpendidikan tinggi. Setiap tahun ramai pelajar yang tamat pengajian dari institusi pengajian tinggi tidak kira dari universiti/kolej awam dan swasta, institut kemahiran mahupun pusat-pusat latihan. Hal ini menyebabkan graduan sukar untuk mendapat pekerjaan kerana bilangan permintaan melebihi penawaran pekerjaan sedia ada. Bagi mereka yang bertegas untuk bekerja makan gaji, mereka mungkin terpaksa menganggur untuk suatu jangka masa tertentu.

Masalah pengangguran dalam kalangan graduan mampu memberi impak yang negatif kepada kemajuan dan pembangunan negara. Ini adalah kerana golongan graduan adalah golongan terpelajar dan mampu melakukan sesuatu perubahan yang positif. Salah satu strategi kerajaan untuk menangani masalah pengangguran adalah dengan menggalakkan tenaga muda negara menjadi usahawan. Ini bermakna mereka perlu mengubah mentaliti bahawa hanya dengan menjadi pekerja dan makan gaji sahaja mereka boleh menyara hidup mereka. Generasi muda di negara ini digalakkan untuk menjadi usahawan.

Oleh yang demikian, pendedahan awal kepada keusahawanan perlu diberikan kepada para pelajar supaya mereka dapat menyesuaikan diri sekiranya sukar untuk mendapatkan pekerjaan mengikut profesion masing-masing apabila tamat pengajian kelak. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui apakah faktor utama yang mempengaruhi pelajar cenderung dalam bidang keusahawanan.

### **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi beberapa objektif. Antara fokus-fokus utama kajian adalah untuk:-

- a) Mengenalpasti faktor utama yang menyumbang kepada kecenderungan keusahawanan.
- b) Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan di antara jantina terhadap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar.
- c) Mengenalpasti sama ada kecenderungan terhadap keusahawanan dipengaruhi oleh faktor tempat tinggal.

### **4. PERSOALAN KAJIAN**

Dalam kajian ini, pengkaji berusaha untuk mencari jawapan bagi persoalan-persoalan berikut:-

- a) Apakah faktor utama yang menyumbang kepada kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar?
- b) Adakah terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar berdasarkan faktor jantina?
- c) Adakah kecenderungan terhadap keusahawanan dipengaruhi oleh faktor tempat tinggal dalam kalangan pelajar?

### **5. KAJIAN LITERATUR**

Istilah usahawan lahir daripada perkataan usaha yang bermaksud daya upaya termasuk ikhtiar, kegiatan dan lain-lain perkara untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan. Terdapat pendapat lain yang menyatakan bahawa usahawan merupakan individu yang berkebolehan untuk melihat, mengenal, merebut dan mewujudkan peluang-peluang untuk faedah ekonomi dan keuntungan (MEDEC, 1992).

Histrich dan Peter (1998) menerangkan perkataan *entrepreneur* berasal daripada perkataan Perancis iaitu '*entreprendre*' yang bermaksud memikul tugas, tanggungjawab atau mencuba. Manakala Kuratko dan Hidgetts (1996) menghuraikan definisi usahawan sebagai penciptaan usahaniaga baru melalui empat dimensi utama iaitu individu, organisasi, persekitaran dan proses yang dibantu oleh rangkaian kerjasama dalam kerajaan, pendidikan dan institusi.

Secara umumnya, keusahawanan merupakan suatu istilah yang digunakan untuk menerangkan proses dimana manusia mengenalpasti peluang untuk memenuhi keperluan dan mengumpulkan segala sumber untuk mencapai matlamat tersebut (Kinzer, 1973). Walau bagaimanapun, Casson (1985) menegaskan bahawa konsep keusahawanan merupakan satu titik untuk menerangkan bahawa sumber yang melimpah ruah itu bukannya mengawal kekayaan tetapi cara bagaimana sumber tersebut diuruskan adalah lebih penting dalam mengawal kekayaan.

Timmon (1994) dalam Nor Aishah (2002) pula mendapati bahawa keusahawanan merupakan satu tindakan kemanusiaan yang kreatif dalam membina sesuatu yang bernilai dan mengejar peluang-peluang tanpa menghiraukan kewujudan sumber atau sebaliknya. Ia memerlukan wawasan, kehairahan dan komitmen untuk memimpin orang lain untuk mencapai wawasan di samping menanggung risiko-risiko yang mungkin berlaku.

Keusahawanan bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan pendapatan perkapita, malah bertindak sebagai pemangkin perubahan struktur sosial dan masyarakat (Histrich & Peter, 2002). Ini bermakna, perkembangan keusahawanan dan peningkatan bilangan usahawan di Malaysia menunjukkan perkembangan yang positif terhadap ekonomi negara. Keusahawanan juga dilihat berupaya menjana kepada peluang-peluang pekerjaan, menangani pengangguran dan membasmi kemiskinan. Ini kerana, usahawan bukan sahaja bekerja untuk dirinya malah turut menyediakan peluang pekerjaan untuk orang lain. Inovasi yang terhasil melalui keusahawanan akan turut meningkatkan perkembangan penawaran dan kepelbagaian dalam ekonomi.

Usahawan dan keusahawanan sentiasa berada di dua persimpangan yang saling bercanggah iaitu diantar persepsi dan realiti (Ab. Aziz, 2003). Ramai sedia maklum bahawa usahawan dan keusahawanan kerap kali dibayangi oleh kejayaan, kemewahan dan kegemilangan tetapi pada masa yang sama mereka terpaksa menempuh pelbagai halangan, kesukaran dan cabaran. Mereka mempunyai dua tanggungjawab yang perlu dipikul dalam satu masa iaitu untuk kepentingan dirinya dan juga orang lain.

Ronstadt (1985) percaya bahawa kebanyakan manusia termasuk seorang usahawan tidak pernah terfikir untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya mereka. Hanya sebilangan kecil daripada usahawan yang akan mengetahuinya apabila mereka memasuki kolej dan menjadikan keusahawanan sebagai matlamat utama kehidupannya. Manakala hanya segelintir sahaja dikalangan mereka yang memulakan perniagaan sebaik sahaja tamat pengajian. Manakala hanya segelintir sahaja dikalangan minoriti yang lain akan menunggu dan memulakan perniagaan sendiri dengan memilih untuk bekerja dengan orang lain dalam bidang atau industri ini bertujuan untuk mempersiapkan diri mereka menghadapi masa hadapan. Manakala minoriti yang menjadi usahawan terlebih dahulu akan bekerja dengan seseorang tanpa penglibatan dalam bidang keusahawanan. Oleh itu, Ronstadt melihat bidang keusahawanan merupakan satu prospek kerjaya yang sangat sesuai untuk dipilih oleh seseorang pelajar yang akan tamat pengajian.

Dalam kajian keusahawanan, terdapat pelbagai konsep yang dikaitkan seperti sikap (Doughlas & Shepherd, 2002), kecenderungan atau minat (Bird & Jelinek, 1988; Auken & Stephens, 2006) dan sebagainya. Kecenderungan keusahawanan dikaji kerana ia mempunyai impak yang penting dalam mempengaruhi keputusan seseorang itu untuk menjadi usahawan. Selain itu, menurut Krueger dan Carsrud (1993), pembentukan kecenderungan keusahawanan bergantung kepada sikap terhadap perlakuan yang didasarkan kerana ia mencerminkan kepercayaan dan persepsi/tanggapan seseorang itu. Ini bermakna bahawa kepercayaan seseorang terhadap bidang keusahawanan adalah sangat penting kerana ia mempengaruhi sikap mereka terhadap kecenderungan keusahawanan. Menurut Krueger, Reilly dan Carsrud (2000) pula, kecenderungan adalah merupakan pembolehubah yang terbaik bagi mengukur sikap terancang apabila sikap itu dianggap sebagai luar biasa, sukar dinyatakan dan melibatkan masa yang lama.

## **6. METODOLOGI KAJIAN**

### **6.1 Pendahuluan**

Kaedah kajian atau metodologi merupakan aspek penting dalam memastikan objektif serta matlamat kajian dapat dicapai seperti yang telah dirancang. Menurut Hornby (1985), metodologi merupakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ke atas satu subjek kajian yang tertentu. Oleh itu, bahagian ini akan membincangkan tentang rekabentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian dan analisis data bagi menjawab persoalan-persoalan kajian.

### **6.2 Rekabentuk Kajian**

Penyediaan rekabentuk kajian dalam suatu penyelidikan adalah untuk mencari jawapan kepada persoalan-persoalan penyelidikan (Kerlinger, 1973). Rekabentuk kajian akan membimbing pengkaji ke arah mendapatkan maklumat dan data berhubung dengan tujuan kajian dijalankan. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk deskriptif di mana rekabentuk kajian adalah berupa kajian tinjauan. Pengkaji mendapatkan maklumat balas daripada responden untuk meninjau faktor-faktor kecenderungan pelajar dalam keusahawanan.

Menurut Mohamad Najib (1999), kaedah tinjauan digunakan untuk mengambil data atau maklumat dalam satu masa tertentu sahaja, selalunya dengan set soal selidik. Penyelidik hanya meninjau situasi dalam satu masa tertentu dan seolah-olah satu *snap shot* yang menggambarkan situasi semasa.

Manakala Best dan Kahn (1998) berpendapat bahawa kajian tinjauan merupakan suatu kaedah penyelidikan yang dapat memperjelaskan keadaan semasa.

### **6.3 Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi merupakan cerapan ke atas sekumpulan individu atau objektif yang mempunyai satu ciri atau sifat yang sama diantara individu dengan individu yang lain (Mohamad Najib, 1999). Melalui populasi bidang masalah yang perlu dikaji dapat ditentukan. Pernyataan ini juga dipersetujui oleh Fraenkael (1990), bahawa populasi mengkehendaki penyelidik

membuat kesimpulan yang menyeluruh terhadap sekumpulan individu yang mempunyai sifat atau ciri-ciri yang khusus.

Populasi kajian ini terdiri daripada 100 orang pelajar-pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar. Berdasarkan kepada jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), pengkaji telah memilih sampel seramai 80 orang pelajar mewakili ciri-ciri yang sama dengan populasi. Kaedah ini memudahkan pengkaji memilih sampel daripada populasi dan memberi peluang kepada setiap orang untuk dipilih.

#### 6.4 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, instrumen kajian adalah menggunakan kaedah tinjauan dengan pendekatan kuantitatif untuk mendapatkan maklumat yang ingin diperolehi. Ini kerana instrumen soal selidik merupakan pengganti diri penyelidik dan penyumbang di antara penyelidik dan responden (Mohd Sheffie, 1991). Instrumen soal selidik telah dibina dan diubahsuai oleh penyelidik-penyelidik berdasarkan kajian lepas iaitu Kajian Kecenderungan Pelajar Tahun Akhir di Institut Kemahiran Mara Terhadap Bidang Keusahawanan oleh Mohd Khata Jabor et al. (2012).

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah satu set soal selidik yang mempunyai dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A mengandungi lapan item yang merangkumi soalan berkaitan latar belakang responden. Pilihan jawapan untuk soalan-soalan dalam bahagian ini direka bentuk menggunakan skala nominal iaitu responden dikehendaki mengisi ruang kosong dan menandakan (/) pada kotak yang disediakan.

Bahagian B terdiri daripada 35 item yang mencakupi aspek yang hendak diukur iaitu minat pelajar terhadap keusahawanan, sikap pelajar terhadap keusahawanan, motivasi pelajar terhadap keusahawanan dan sokongan sosial terhadap keusahawanan. Taburan kandungan di dalam set soal selidik dapat ditunjukkan dengan jelas berdasarkan Jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Taburan Kandungan Soal Selidik**

<b>Bahagian</b>	<b>Perkara</b>	<b>Item</b>
A	Latarbelakang responden	8
B	Minat pelajar terhadap keusahawanan	5
	Sikap pelajar terhadap keusahawanan	8
	Motivasi pelajar terhadap keusahawanan	11
	Sokongan sosial terhadap keusahawanan	11

Untuk bahagian B, setiap item soal selidik menggunakan Skala Likert lima peringkat untuk melihat tahap persetujuan responden terhadap 35 item tersebut bermula dari 1 sebagai sangat tidak setuju kepada 5 sebagai sangat setuju. bagi setiap respon, skala pemeringkatan Likert ditunjukkan seperti dalam Jadual 2 berikut:

**Jadual 2: Skala Pemeringkatan Likert**

Skor	Pihan Jawapan
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Kurang Setuju
4	Setuju
5	Sangat Setuju

## 6.5 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 orang pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar dengan tujuan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Menurut Mohamad Najib (2003), kajian rintis ialah satu aktiviti yang penting bagi setiap kajian tinjauan dimana selain daripada menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, ia juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen, mengenal sampel dan kesesuaian analisis.

Keputusan menunjukkan kebolehpercayaan (*Reliability Coefficient*), nilai alpha bagi keseluruhan item yang dibina ialah 0.767. Hair et al. (1992), Grandzol dan Gershon (1998) mencadangkan nilai alpha 0.70 dan ke atas adalah diterima. Namun begitu bagi Sekaran (2000), secara umumnya kebolehpercayaan yang kurang daripada 0.6 dianggap lemah, yang berada dalam julat 0.7 - 0.8 boleh diterima dan yang melebihi 0.8 dianggap baik. Maka pengukuran kebolehpercayaan yang digunakan dalam kajian ini adalah boleh diterima.

## 7. ANALISIS DATA

Penganalisan data merupakan suatu kaedah pengumpulan, pengolahan, pemprosesan, pengiraan dan penyimpanan data. Analisis data dilakukan bertujuan bagi mendapatkan hasil-hasil dan keputusan kajian untuk dijadikan maklumat yang berguna dan bermakna. Data-data yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Scienses (SPSS) version 20.0*. Data-data yang telah diperolehi dan dikumpul daripada kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Kajian kuantitatif boleh diertikan sebagai menjumlahkan data dengan menggunakan sesuatu format statistik analisis. Dalam kajian ini, kaedah penganalisan data yang digunakan termasuklah skor kekerapan (f), peratusan (%) dan min iaitu analisis statistik deskriptif dan ujian-T.

Menurut Rahimah (2006), soal selidik yang menggunakan markat lima mata dalam skala *Likert* perlu diubah kepada tiga mata untuk memudahkan proses analisis data seperti Jadual 3.

**Jadual 3: Pengelasan Maklumbalas Responden Berdasarkan Skor Min**

Skala	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

## 8. DAPATAN KAJIAN

### 8.1 Taburan dan Latar Belakang Responden

Bahagian ini adalah bertujuan untuk mengetahui sedikit tentang taburan dan latar belakang responden. Demografi responden tersebut dianalisis menggunakan kekerapan dan peratusan.

**Jadual 4: Analisis Demografi Responden Kajian**

Item	Frekuensi	Peratus
Jantina		
Lelaki	20	25
Perempuan	60	75
Umur		
20 ke bawah	65	81.3
21 – 25	15	18.8
Bangsa		
Melayu	78	97.5
India	2	2.5
Program Pengajian		
SAK	17	21.3
SAPK	17	21.3
SPA	11	13.8
SPB	15	18.8
SPP	20	25.0
Kawasan kediaman tetap		
Bandar	37	46.3
Luar Bandar	43	53.8
Ahli keluarga mempunyai perniagaan sendiri		
Ada	30	37.5
Tiada	50	62.5
Pengalaman berniaga		
Ada	51	63.8
Tiada	29	36.3
Kursus, seminar, bengkel perniagaan diikuti		
Ada	64	80
Tiada	16	20

Merujuk kepada Jadual 4, bilangan responden perempuan melebihi bilangan responden lelaki. Seramai 60 orang responden iaitu 75% adalah pelajar perempuan manakala selebihnya 25% iaitu 20 orang merupakan pelajar lelaki. Dari segi taburan responden mengikut umur didapati, majoritinya iaitu 65% berumur bawah 20 tahun. Kajian ini melibatkan responden yang mengikuti pelbagai program pengajian di Kolej Komuniti Bandar Penawar. Seramai 37 orang responden iaitu 46.3% berasal dari bandar dan seramai 43 orang responden iaitu 53.8% berasal dari luar bandar. Majoriti responden tidak mempunyai perniagaan sendiri dalam kalangan ahli keluarga mereka. Namun begitu, majoriti 63.8% daripada responden mempunyai pengalaman berniaga dan 80% pernah mengikuti kursus/seminar/bengkel perniagaan.



## Analisis Objektif 1

**Jadual 5: Faktor Yang Mempengaruhi Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar**

Faktor	Min	Sisihan Piawai
Minat pelajar terhadap keusahawanan	4.05	0.50
Sikap pelajar terhadap keusahawanan	4.03	0.48
Motivasi pelajar terhadap keusahawanan	4.11	0.48
Sokongan sosial terhadap keusahawanan	3.88	0.38

Berdasarkan kepada Jadual 5, didapati kesemua faktor mempunyai nilai min di tahap yang sederhana tinggi. Faktor motivasi pelajar terhadap keusahawanan menunjukkan skor min yang tertinggi iaitu 4.11 diikuti oleh minat pelajar terhadap keusahawanan (4.05), sikap pelajar terhadap keusahawanan (4.03) dan sokongan sosial terhadap keusahawanan (3.88). Ini menunjukkan bahawa faktor motivasi merupakan faktor utama yang mempengaruhi pelajar cenderung terhadap bidang keusahawanan.

## Analisis Objektif 2

**Jadual 6: Hasil Perbezaan Item Yang Mengukur Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Faktor Jantina**

Jantina	N	Min	SP	dk	T
Lelaki	20	144.60	13.70	78	0.927
Perempuan	60	144.27	14.09		

$p > 0.05$

Berdasarkan kepada Jadual 6, min bagi lelaki adalah lebih tinggi berbanding wanita iaitu 144.60 dengan sisihan piawai 13.70 bagi lelaki dan 14.09 bagi perempuan. Walaubagaimanapun, ujian-T (*Independent Sample Test*) yang dijalankan menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan dimana nilai  $p > 0.05$  bagi item yang mengukur kecenderungan keusahawanan berdasarkan faktor jantina. Ini bermakna tiada perbezaan bagi item yang mengukur kecenderungan keusahawanan berdasarkan faktor jantina.

## Analisis Objektif 3

**Jadual 7: Hasil Perbezaan Item Yang Mengukur Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Faktor Kawasan Kediaman**

Kawasan Kediaman	N	Min	SP	dk	T
Bandar	37	141.54	13.93	78	0.94
Luar Bandar	43	146.77	13.57		

$p > 0.05$

Berdasarkan kepada Jadual 7, min bagi kawasan luar bandar adalah lebih tinggi berbanding wanita iaitu 146.77 dengan sisihan piawai 13.57 bagi kawasan luar bandar dan 143.93 bagi kawasan bandar. Walaubagaimanapun, ujian-T (*Independent Sample Test*) yang dijalankan menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan dimana nilai  $p > 0.05$  bagi item yang mengukur kecenderungan keusahawanan berdasarkan faktor kawasan kediaman pelajar. Ini

bermakna tiada perbezaan bagi item yang mengukur kecenderungan keusahawanan berdasarkan faktor kawasan kediaman.

#### Analisis Objektif 4

**Jadual 8: Hasil Perbezaan Item Yang Mengukur Kecenderungan Keusahawanan Berdasarkan Faktor Latarbelakang Keluarga**

Latarbelakang Keluarga	N	Min	SP	Dk	T
Mempunyai perniagaan	30	145.47	14.69	78	0.55
Tiada perniagaan	50	143.68	13.51		

$p > 0.05$

Jadual 8 menunjukkan bahawa min bagi pelajar yang berasal dari keluarga yang mempunyai perniagaan sendiri adalah lebih tinggi berbanding pelajar yang tidak berasal dari keluarga yang mempunyai perniagaan sendiri iaitu 145.67 dengan sisihan piawai 14.69. Walaubagaimanapun, ujian-T (*Independent Sample Test*) yang dijalankan menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan dimana nilai  $p > 0.05$  bagi item yang mengukur kecenderungan keusahawanan berdasarkan faktor latarbelakang keluarga yang mempunyai perniagaan sendiri. Ini bermakna tiada perbezaan bagi item yang mengukur kecenderungan keusahawanan berdasarkan faktor latarbelakang keluarga yang mempunyai perniagaan sendiri.

## 9. PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor motivasi merupakan faktor utama yang mendorong pelajar cenderung terhadap bidang keusahawanan. Faktor yang mendorong seseorang itu menjadi usahawan adalah disebabkan oleh faktor motivasi yang terdapat dalam diri mereka (Johnson, 1990; Shaver & Scott, 1991; Jacobson, 1993; Wells, 1994). Hal ini juga dibuktikan oleh Johnson (1990) yang mendapati bahawa daripada keseluruhan 23 kajian yang dijalankan, sebanyak 20 kajian mempunyai hubungan yang positif di antara motivasi dan keusahawanan.

Motivasi merupakan satu dorongan untuk melaksanakan atau mencapai sesuatu. Yep Putih (1985) menjelaskan bahawa motivasi keusahawanan merupakan dorongan atau desakan yang kuat pada seseorang untuk menjadi usahawan. Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) telah mendefinisikan motivasi sebagai keinginan yang keras pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan. Tanpa motivasi, seseorang itu tidak akan bersemangat atau berupaya untuk meneruskan perjuangan dalam bidang kerjaya yang diceburinya. Maka motivasi keusahawanan dapat disama ertikan sebagai dorongan atau desakan yang kuat untuk menjadi usahawan (Birley & Westhead, 1994).

Daripada hasil kajian yang telah dijalankan seramai 90.1% responden bersetuju bahawa kejayaan usahawan berjaya menjadi inspirasi kepada mereka untuk menceburi bidang keusahawanan. Ini menunjukkan bahawa usahawan yang berjaya menjadi salah satu faktor motivasi yang dominan kepada pelajar-pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan. Dapatan kajian ini selaras dengan penemuan oleh Noraini Mohd Noor et al. yang mendapati 84.7% responden bersetuju bahawa kejayaan usahawan berjaya menjadi inspirasi kepada mereka untuk menceburi bidang keusahawanan.

Bagi item kecenderungan keusahawanan berdasarkan faktor jantina, min lelaki lebih tinggi berbanding perempuan. Ini menunjukkan bahawa lelaki lebih cenderung dalam bidang keusahawanan dibandingkan dengan perempuan. Ini bertepatan dengan hasil kajian Rozieana A. Halid et al. yang mengkaji kecenderungan mahasiswa bumiputera untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya. Namun begitu ujian-T yang dijalankan mendapati tidak ada perbezaan yang signifikan bagi item kecenderungan keusahawanan berdasarkan faktor jantina. Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor jantina tidak memainkan peranan penting untuk mempengaruhi seseorang individu menceburi bidang keusahawanan. Dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Norfadhilah et al. (2010).

Bagi item kecenderungan keusahawanan berdasarkan faktor kawasan kediaman, didapati min pelajar yang berasal dari luar bandar lebih tinggi berbanding pelajar berasal dari bandar. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang berasal dari luar bandar lebih cenderung dalam bidang keusahawanan. Penemuan ini turut disokong dengan hasil kajian Rozieana A. Halid et al. yang mengkaji kecenderungan mahasiswa bumiputera untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya. Namun begitu ujian-T yang dijalankan mendapati tidak ada perbezaan yang signifikan bagi item kecenderungan keusahawanan berdasarkan faktor kawasan kediaman. Ini adalah kerana kecenderungan keusahawanan tidak dipengaruhi oleh faktor kawasan kediaman.

Bagi item kecenderungan keusahawanan berdasarkan faktor latarbelakang keluarga, didapati min pelajar yang berasal dari keluarga yang memiliki perniagaan lebih tinggi berbanding pelajar yang keluarganya tidak memiliki perniagaan. Ini menunjukkan bahawa pendidikan tidak formal yang diterima dari ahli keluarga mendorong pelajar cenderung ke dalam bidang keusahawanan. Dapatan kajian ini melengkapkan dapatan-dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Mohd. Amir Sharifuddin (1983), Moha Asri Abdullah (1997), Chin Yee Wah (2003).

Chin et al. (1996) merumuskan bahawa perniagaan keluarga mempunyai pengaruh terhadap kecenderungan pelajar dalam bidang keusahawanan. Justeru, dapat disimpulkan bahawa seseorang yang berasal dari keluarga yang berniaga mempunyai potensi yang cerah untuk mengikuti jejak langkah keluarganya untuk menceburi bidang keusahawanan. Namun begitu ujian-T yang dijalankan mendapati tidak ada perbezaan yang signifikan bagi item kecenderungan keusahawanan berdasarkan faktor latarbelakang keluarga. Dapatan ini selaras dengan dapatan (Siti Hawa, 2009) bahawa tanpa pengaruh dari keluarga, seseorang individu masih mempunyai kecenderungan untuk menjadi usahawan. Ini adalah kerana ramai usahawan yang berjaya tidak mempunyai latar belakang keluarga yang mempunyai perniagaan namun mereka masih berjaya.

## RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof (2003). *Prinsip Keusahawanan*. Prentice Hall: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Azira Hanani Ab. Rahman & Md Nazrun Yaacob (2012). Kecenderungan Keusahawanan Di Kalangan Pelajar Semester Akhir Program Sijil Perakaunan Perniagaan: Satu Kajian di Kolej Komuniti Pasir Mas. Prosiding Seminar Pengajian Zon Timur. 16-25.
- Best, J.W, & Kahn, J.V. (1998). *Research In Education*. (8th ed). Needham Height, M.A: Allyn & Bacon.
- Bird, B. & Jellinek, M. (1988). *The Operation of Entrepreneurial Intention*. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 13(2), 21-29.
- Birley. S & Westhead, P. (1994). *A Taxonomy of Business start-Up Reasons And Their Impact On Growth And Size*. *Journal of Business Venturing*, 9: 7-31.
- Casson, M (1985). *Entrepreneurship and Dynamics of Foreign Investment*. New York: St. Martin's Press.
- Chien, D.J. Liang, T.W. & Soon, C.T. (1996). *Entrepreneurship Inclination of Singapore Business Students*. *Journal of Enterprising Culture*. 4(2), 209-223.
- Chin Yee Wah (2003). *Budaya dan Keusahawanan Cina di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hisrich, R.D. & Peters, M.P. (1998). *Entrepreneurship – Starting, Developing and Managing A New Enterprise*. Fourth Edition, Irwin.
- Institut Pengajian Tinggi (2010). *Dasar Pembangunan Keusahawanan*. Kementerian Pengajian Tinggi.
- Jacobson, M.K (1993). *Essential Values And Characteristic Of Entrepreneurial Women Formerly Managers In A Corporate Setting (Women Entrepreneurs)*. The Union Institute.
- Johnson, B.R. (1990). *Toward A Multidimensional Model of Entrepreneurship: The Case of Achievement Motivation And The Entrepreneur*. *Entrepreneurship Theory and Practice*. 14(3), 39-54.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Kerlinge, F.N (1973). *Foundatios of Behavioral Research*. Holt, Rinehart and Winston, New York.
- Kinzer, LM (1973). *Competition and Entrepreneurship*. University of Chicago Press. Chicago, IL.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). *Determining Sample Size For Research Activities*.
- Krueger, N.F. & Carsrud, A.L. (1993). *Entrepreneurial Intention: Applying the Theory of Planned Behaviour*. *Entrepreneurship & Regional Development*, 5, 315-330.
- Kuratko, D.F. & Hodgetts, R.M. (1996). *Entrepreneurship, A Contemporary Approach*. Third Edition, London: Dryen Press.
- MEDEC (Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia). (1992). Laporan Tahunan MEDEC Malaysia.
- Moha Asri Hj. Abdullah (1997). *Industri Kecil di Malaysia Pembangunan dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamed Amir Sharifuddin bin Hashim (1983). *Bumiputra Entrepreneurship A Study of Loanees in the Malaysian State of Kelantan*. A Thesis of Doctor of Philosophy in Business Studies at Massey University, New Zealand.

- Mohd Khata Jabor & Ahmad Firdaus Abd Hadi (2012). *Kecenderungan Pelajar Tahun Akhir Di Institut Kemahiran Mara Terhadap Bidang Keusahawanan*. Journal of Educational Management, Volume 5 March 2012, Pages 16-33.
- Mohd Hassan Bin Mohd Osman (1997). *Faktor-Faktor Yang Mendorong Graduan Dan Alumni Universiti Teknologi Malaysia Menceburi Bidang Keusahawanan*.
- Mohd Sheffie (1991). *Methodologi Pendidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Aishah Buang (2002). *Asas Keusahawanan*. Fajar Bakti. Polygraphic (M) Sdn. Bhd.
- Nor Halina Binti Noordin, Norlizawati Binti Hashim & Norhafinas Binti Abd Latib (2013). *Kecenderungan Peserta Kursus Latihan 1Malaysia Untuk Menceburi Bidang Keusahawanan*. Prosiding CIE-TVET 2013.
- Noraini Mohd Noor & Norisham A. Rahim. *Kecenderungan Pelajar-Pelajar Institut Kemahiran Mara (IKM) Johor Bahru Terhadap Bidang Keusahawanan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norfadhilah Nasharudin & Halimah Harun (2010). *Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Jurnal Pendidikan Malaysia 35(1)(2010): 11-17
- Norita Deraman, Nizamuddin Zainuddin, Oemar Hamdan (2005). *Kajian Tentang Ciri-ciri Personaliti Keusahawanan Di Kalangan Usahawan Bumiputera (Melayu) Malaysia*. Jurnal Manajemen & Bisnis Sriwijaya Vol. 3 No. 6 Dcember 2005.
- Ronstadt, R. (1985). *The Educated Entrepreneur: A New Era of Entrepreneurship Education is Beginning*. American Journal of Small Business, 10(1).
- Shaver, Kell G, Scott, Linda R. (1991) *Person, Process, Choice The Psychology of New Venture Creation*. Entrepreneurship: Theory and Practice Dec 22 1991. 16(2) 23.
- Siti Hawa Mohamed Idris (2009). *Kecenderungan Keusahawanan di Kalangan Pelajar Bidang Kejuruteraan di Institusi Pengajian Tinggi Awam Di Kawasan Utara Semenanjung Malaysia*. Projek Sarjana. Fakulti Sains Pengurusan. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Wells, Sandra Jemy (1994). *Learning and Leadership Development of Women Entrepreneur: an Explotary Study*. North Carolina State University EDD.
- Yep Putih (1985). *Keusahawanan Edisi Pertama*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusof Boon & Azizi Abdol Aziz. *Profil Keusahawanan Dikalangan Pelajar Tahun Empat Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik)*